

Wacana Sosial

Setiap pelajar UniMAP harus melengkapkan aktiviti 7 Pillars sebagai satu program yang wajib diikuti demi memperolehi segulung ijazah selepas tamat program. Justeru pada tanggal 27 Januari 2008, Program Wacana Sosial yang disertai oleh pelajar PPK Bioproses telah diadakan dengan mengetengahkan tema "Kempen Keselamatan Jalan Raya". Program ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya khususnya para pelajar mengenai kepentingan mengutamakan keselamatan di jalan raya dan untuk memberi kesedaran siyik di kalangan para pelajar dan warga UniMAP supaya akan lahir graduan yang akan mengimbangi profesi disamping memenuhi tuntutan sosial. Program ini bermula seawal jam 9.30 pagi dengan nyanyian lagu "Wawasanku" yang diikuti bacaan doa. Seterusnya ialah tayangan video klip dan ceramah. Kemuncak program ialah acara konvoi bermotor ke tiga kawasan sekitar Perlis iaitu di Jeti Kuala Perlis, Stesen Bas Kangar dan The Store Kangar. Program tamat sekitar jam 1.45 petang di mana setiap peserta yang terlibat belajar tentang kepentingan menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain ketika menggunakan jalan raya.

